



## **TEKS UCAPAN**

**YB TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**PROGRAM KASIH-BAHAGIA SUKARELAWAN KAUNSELOR  
BERDAFTAR BERSAMA KOMUNITI**

**6 OGOS 2023 (AHAD)**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Malaysia Madani.*

### **SALUTASI**

Profesor Dr. Othman bin Dato' Haji Mohamed,  
Presiden Lembaga Kaunselor

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kaunselor,  
Encik Sadli bin Osman

Puan Maznah binti Zaini,  
Guru Besar  
Sekolah Kebangsaan Tanjung Sepat

Encik Nasir bin Minjin  
Tok Batin, Kampung Orang asli, Tanjung Sepat

Encik Ah Beng,  
Pengerusi Penduduk Kampung Orang Asli Tanjung Sepat

Pn. Halimatun Saadiah binti Jamhari,  
Kaunselor Pendidikan Daerah Kuala Langat

Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB)

Anak-Anak dan Ibu Bapa Kampung Tanjung Sepat

Tuan- Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

---

## **2. PERUTUSAN YB TIMBALAN MENTERI, KPWKM**

- Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Program Kasih-Bahagia Sukarelawan Kaunselor Berdaftar bersama komuniti. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita telah diberi kesempatan dan ruang untuk bersama-sama menjayakan program pada hari ini.

## **3. OBJEKTIF PROGRAM**

- Untuk makluman semua, penganjuran Program Kasih-Bahagia Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Bersama Komuniti ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor bagi menjadikan perkhidmatan kaunseling dan psikopendidikan lebih inklusif kepada semua golongan masyarakat tanpa terkecuali terutamanya kepada masyarakat luar bandar.

- Saya menyambut baik penganjuran seperti ini yang secara tidak langsung dapat menyebarkan perkhidmatan kaunseling agar masyarakat lebih memahami dan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program yang berteraskan 'Out Reach' sebagai satu strategi turun padang dan dekat di hati rakyat yang berfokus serta meninggalkan impak kepada masyarakat khususnya golongan yang memerlukan.
- Kepelbagaian program serta usaha berterusan daripada agensi di bawah KPWKM merupakan platform yang tepat dalam memperkenalkan serta menyebarkan perkhidmatan yang disediakan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.
- Selain itu, mengambil kira pelbagai cabaran dalam mendidik anak-anak dan isu remaja masa kini, tidak dinafikan bahawa pentingnya ilmu dan gaya keibubapaan yang berkualiti dalam menjamin perkembangan kehidupan yang sihat dan sejahtera daripada segi fizikal, emosi dan mental.
- Justeru, menyedari akan kepentingan tersebut, pendedahan menyeluruh mengenai pengetahuan keibubapaan diberikan melalui Ceramah Teknik Keibubapaan dan Perkhidmatan Konsultasi Ibu bapa yang telah disampaikan oleh Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB).

#### **4. PERANAN IBU BAPA**

Hadirin Sekalian,

- Ibu bapa merupakan individu yang mencorakkan masa depan anak-anak dalam mempengaruhi proses perkembangan diri anak-anak yang merangkumi aspek sosial, personaliti, perkembangan emosi, konsep sendiri dan pembentukan identiti.
- Justeru, sokongan, dorongan dan bimbingan ibu bapa terhadap pembuatan keputusan anak-anak dalam sesetengah aspek kehidupan contohnya seperti pemilihan aliran akademik dan kerjaya yang bersesuaian, penting dalam menjamin keselarasan minat, personaliti serta motivasi yang berterusan.
- Peningkatan dan kepelbagaian pelaksanaan aktiviti melalui jaringan komuniti antara kampung seperti sukan dan kebudayaan bukan sahaja dapat mencungkil bakat malah mampu meningkatkan kemahiran sosial dan insaniah anak-anak. Ia juga sebagai inisiatif bagi menangani isu ketagihan gajet yang umumnya menjadi faktor utama kanak-kanak masa kini berdepan dengan masalah kesihatan mental.

#### **5. PENUTUP**

Hadirin Sekalian

- Usaha membentuk anak muda yang mempunyai jati diri tinggi dengan peribadi yang berkualiti merupakan agenda nasional dalam melahirkan tampuk pimpinan negara yang mampan. Tanpa kesedaran dan pengetahuan, ianya tidak mampu dicapai.

- Maka saya berharap agar platform yang disediakan ini, dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan mental dan keibubapaan yang dilihat signifikan terhadap perkembangan hidup yang sejahtera.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Program Kasih Bahagia Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Bersama Komuniti di Sekolah Kebangsaan Sri Tanjung, Tanjung Sepat, Selangor.

**Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**